

SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN
DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



DOKUMEN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN
HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN.

NOMBOR SEBUT HARGA : PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/06/K02/2025

TARIKH BUKA SEBUT HARGA :
16 APRIL 2025 (RABU)

MASA BUKA SEBUT HARGA :
12.00 TENGAH HARI

TARIKH TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK :
20 APRIL 2025 (AHAD) JAM 9.00 PAGI

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
28 APRIL 2025 (ISNIN)

MASA TUTUP SEBUT HARGA :
12.00 TENGAH HARI

HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA :
- TIADA -

PERINGATAN PENTING

PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DENGAN TELITI DAN MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR
YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGISIKANNYA.

PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT KESILAPAN DAN TIDAK MEMATUHI MANA-MANA PERKARA DI DALAM
DOKUMEN SEBUT HARGA INI AKAN MENYEBABKAN TAWARAN SEBUT HARGA TERSEBUT TIDAK
DIPERTIMBANGKAN.

PELAWAAN / PEMBERITAHUAN / IKLAN / NOTIS SEBUT HARGA

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN (PSMZA)
DUNGUN, TERENGGANU DARUL IMAN.**

**TEMPOH PELAWAAN / IKLAN / NOTIS SEBUT HARGA
16 APRIL 2025 (RABU) HINGGA 28 APRIL 2025 (ISNIN)**

1. Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan dalam Daerah Dungun dengan kelayakan seperti berikut :
 - 1.1. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - 1.2. Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) **Gred G1 beserta kod pengkhususan (B24)**
 - 1.3. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
 - 1.4. Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
 - 1.5. Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB)
2. Butiran sebut harga adalah seperti berikut.

NOMBOR SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA
PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/06/K02/2025	SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

3. Taklimat dan Lawatan tapak akan diadakan pada ketetapan seperti berikut :

Tarikh : 20 April 2025 (Ahad) Jam 9.00 Pagi
Tempat : Dewan Kuliah Utama PSMZA
4. Hanya penama di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB yang boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak serta tidak boleh mewakilkan pegawai lain. Sila bawa bersama Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) untuk semakan dan pengesahan.
5. Dokumen sebut harga ini boleh dimuat turun melalui laman web Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun di alamat [Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin \(mypolycc.edu.my\)](http://mypolycc.edu.my).
6. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung dengan Jurutera Awam PSMZA iaitu **En. Mohd Hamidi Hadi bin Mohd Zabidin** di talian **013-9224985**.

KENYATAAN SEBUT HARGA

Perihal Sebut Harga

Kerajaan Malaysia d/a Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, selepas ini dirujuk sebagai (PSMZA) membuat Tawaran **SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**.

Tawaran Sebut harga ini dipelawa kepada kontraktor tempatan dalam Daerah Dungun dengan kelayakan seperti berikut :

1. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
2. Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) **Gred G1 beserta kod pengkhususan (B24)**
3. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
4. Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
5. Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB)

Perincian lanjut tentang Sebut harga, Butiran Kerja, Arahan-arahan, Syarat-syarat dan Terma seterusnya adalah dengan merujuk sebagaimana kenyataan seterusnya di bawah.

Penyertaan Sebut harga ini adalah tertakluk kepada kesemua Kenyataan, Arahan-arahan, Syarat-syarat dan Terma yang terkandung di dalam **Dokumen Sebut harga** ini yang menjadi penentuan kepada penyertaannya, yang mana ianya termasuklah Kenyataan Sebut harga, Dokumen Sebut harga dan Syarat-syarat Am yang dilampirkan.

Nombor Sebut Harga

PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/06/K02/2025

Tajuk Sebut harga

SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Tempoh Penyerahan / Penyempurnaan

Sila Nyatakan Dalam Borang Sebut Harga.

Kaedah Menyertai Sebut harga

Penyertaan sebut harga mestilah melalui kaedah berikut iaitu secara Dokumen Sebut harga (secara manual).

Butiran / Spesifikasi Teknikal

Rujuk Lampiran Butiran / Ringkasan Kerja / *Bill of Quantity* (BQ).

DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen Sebut harga yang lengkap adalah mengandungi dan merangkumi kesemua perkara-perkara berikut :

1. Iklan Sebut harga
2. Kenyataan Sebut harga
3. Dokumen Sebut harga
4. Arahan Kepada Penyebut harga
5. Lampiran A2 iaitu Pengalaman Syarikat - Senarai kerja yang sedang dan/atau telah dilaksanakan
6. Borang Sebut harga
7. Lampiran Q (kew.284 pin.5/94)
8. Butiran / Ringkasan Kerja / *Bill of Quantity* (BQ)
9. Syarat-Syarat Am
10. Surat Akuan Pembida (Lampiran 6)
11. Senarai Semak (Lampiran B)

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

Sebut harga ini adalah tertakluk kepada kesemua kenyataan, arahan, syarat-syarat dan terma serta lampiran yang terkandung di dalam Dokumen Sebut harga ini yang merupakan Penentuan kepada penyertaan sebut harga ini yang di antaranya termasuklah Kenyataan Sebut harga, Arahan Kepada Penyebut harga, Syarat-syarat Am dan Borang-borang yang dilampirkan.

1. Cara menyertai sebut harga ini adalah secara Dokumen Sebut harga (secara manual).
2. Di antara Dokumen Sebut harga (secara manual) yang perlu dikembalikan kepada PSMZA beserta salinan sijil-sijil yang diperlukan ialah :

- 2.1 Borang Sebut harga
- 2.2 Lampiran Q (kew.284 pin.5/94)
- 2.3 Lampiran A2 iaitu Pengalaman Syarikat - Senarai kerja yang sedang dan/atau telah dilaksanakan
- 2.4 Butiran / Ringkasan Kerja / *Bill of Quantity* (BQ)
- 2.5 Surat Akuan Pembida (Lampiran 6)
- 2.6 Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB denga kod pengkhususan B24
- 2.7 Salinan Sijil Pendaftaran Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- 2.8 Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
- 2.9 Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- 2.10 Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB)
- 2.11 Penyata Bank Tiga (3) Bulan iaitu **Disember 2024 - Februari 2025**
- 2.12 Profil Syarikat
- 2.13 Senarai Semak (Lampiran B)

3. Hak Kerajaan Untuk Menerima/Menolak Sebut Harga - Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
4. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi itu hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri. Sampul surat berlakri itu mestilah mempunyai butir-butir berikut :

- i. **Kod Sebut Harga**
- ii. **Tajuk Sebut Harga**

Seterusnya dialamatkan kepada :

Pengarah

Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

KM.08 Jalan Paka, 23000 Dungun

Terengganu Darul Iman

5. Seterusnya, sampul surat itu dihantarkan sama ada secara pos atau dihantar sendiri secara tangan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga merujuk kepada tajuk yang berkaitan yang disediakan di Unit Perolehan, PSMZA **sebelum atau pada jam 12.00 tengahari 28 April 2025 (Isnin)**.
6. Penghantaran yang melewati masa dan tarikh tersebut tidak akan diterima dan ditolak penyertaannya.

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN
DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

Lampiran A2

PENGALAMAN SYARIKAT - SENARAI KERJA YANG SEDANG DAN/ATAU TELAH DILAKSANAKAN

Bil	Nama Kerja	Nama Jabatan/ Agensi	Amaun Kerja (RM)	Tempoh Siap Kerja / Tempoh Penyempurnaan

(sila guna lampiran berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

Peringatan :

- 1.Sila sertakan satu salinan surat tawaran atau bukti bertulis bagi setiap kerja yang disenaraikan di atas.
- 2.Kegagalan mengemukakan salinan surat tawaran atau bukti bertulis bagi setiap kerja yang disenaraikan ini akan menyebabkan tiada pemberian markah diberi. Ini kerana tiada bukti yang mengesahkan adakah benar pihak Syarikat telah dianugerahkan kerja tersebut.

Tandatangan Penyebutharga/Kontraktor :

Nama :

Cop Syarikat :

Tarikh :

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN
DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

Lampiran Q

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini :

Nombor Sebut Harga : PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/06/K02/2025

(Kew. 284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI TERENGGANU**

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN
DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

Pada (Nama Syarikat)

.....
.....
.....
.....
.....

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :
Tidak Berkaitan (T/B)

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan kerja ini :
(G1 dengan Kod Pengkhususan B24)

Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh
Jabatan (Alamat Lengkap)

**Pengarah,
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
Km 08, Jalan Paka,
23000 Dungun,
Terengganu Darul Iman.**

No. Telefon : 09 – 840 0800
No. Fax : 09 – 845 8781

Tarikh : **07 APR 2025**

1. Sila beri perhatian, sebut harga ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:-

- 1.1 Kos penghantaran dokumen tawaran sebut harga oleh kontraktor ke PSMZA adalah di bawah tanggungan kontraktor sendiri.
- 1.2 Senarai Semak disediakan dan disertakan bersama Dokumen Sebut harga ini bagi memastikan kontraktor mengemukakan tawaran sebut harga yang lengkap berserta semua dokumen yang diperlukan. Sila lihat di Lampiran B.
- 1.3 Sila sertakan bersama Profil Syarikat.
- 1.4 Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas dari pihak kami selepas tempoh 90 hari, permohonan tuan adalah dianggap tidak berjaya dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
- 1.5 Tempoh sah laku sebut harga adalah 90 hari selepas tarikh tutup.
- 1.6 Iklan & Publisiti -Tiada maklumat berkenaan sebut harga boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu

SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Tarikh : **07 APR 2025**

Tandatangan :
 Nama Pegawai :
 Jawatan :

HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
 Pengarah
 Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
 Dungun, Terengganu.

Nombor. Sebut Harga : PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/06/K02/2025

Bil	Perihal Kerja dan Syarat-Syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti	Jumlah Harga Keseluruhan (RM) Untuk diisi oleh Penyebut harga/ Kontraktor
Untuk diisi oleh Jabatan				
1.	SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/06/K02/2025	-	-	

- i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih dan dalam nilai Ringgit Malaysia; dan
- ii) **Tempoh siap kerja/projek ialah (Sila nyatakan dalam minggu)**

Saya / Kami dengan ini menawarkan untuk melaksanakan kerja seperti di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat dan terma di dalam Dokumen Sebut harga.

Tandatangan Penyebutharga :

Nama :

No. K/P :

No. Tel :

Tarikh :

Alamat & Cop Syarikat :

**Peringatan: Permohonan akan ditolak sekiranya syarat-syarat di atas tidak dipat*

SURAT AKUAN PEMBIDA

Saya,(Nama Wakil Syarikat), No. Kad Pengenalan yang mewakili(Nama Syarikat) nombor Pendaftaran(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

SURAT AKUAN PEMBIDA

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Lampiran B

**SENARAI SEMAK
(SEBUT HARGA KERJA)
SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN
HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/06/K02/2025**

Sila tandakan ☐ / ☐ bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
1.	Dokumen Sebut harga	☐	☐
2.	Borang Sebut harga	☐	☐
3.	Borang Lampiran Q (kew.284 pin.5/94)	☐	☐
4.	Butiran / Ringkasan Kerja / <i>Bill of Quantity</i> (BQ)	☐	☐
5.	Lampiran A2 iaitu Pengalaman Syarikat - Senarai kerja yang sedang dan/atau telah dilaksanakan	☐	☐
6.	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB (G1 dengan kod pengkhususan B24)	☐	☐
7.	Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanya Syarikat Malaysia (SSM)	☐	☐
8.	Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)	☐	☐
9.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	☐	☐
10.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB)	☐	☐
11.	Salinan Penyata Akaun Bank bagi Tiga (3) bulan iaitu Disember 2024 – Februari 2025	☐	☐

SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
12.	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6)	☐	☐
13.	Profil Syarikat	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).

Tandatangan :

Nama:

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama:

Jawatan :

Tarikh :



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

SEBUTHARGA NO : PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/06/K02/2025

Nota : Sebarang butiran yang tidak dihargaikan dianggap telah dimasukkan ke dalam butiran-butiran lain. Penyebutbarga adalah dianggap telah melawat tapakbina dan membaca syarat-syarat sebutbarga bersama-sama dengan pelan-pelan dan spesifikasi (spesifikasi 'standard specification for building works 2020 (JKR) dan spesifikasi addenda) untuk memastikan sendiri liputan kerja-kerja yang terlibat sebelum menghargakan sebutbarganya kerana sebarang tuntutan bayaran tambahan berhubung dengan perkara di atas tidak dipertimbangkan.

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI (Prov.)	KADAR (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
1.0	KERJA - KERJA PERMULAAN				
1.1	Insurans untuk Kemalangan dan Kerosakan Harta Benda, Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan Bank/Syarikat Kewangan/Insurans atau Wang Jaminan Pelaksanaan, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (PERKESO.)	Pukal	-		
1.2	Menyediakan dan menyerahkan laporan bergambar projek sebanyak dua (2) salinan 'hardcopy" dan dua (2) salinan 'soft copy' menunjukkan gambar sebelum, semasa dan selepas pembinaan.	Pukal	-		
2.0	KERJA PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN				
2.1	Kerja-kerja memotong, memecah longkang sedia ada termasuk susur tangan besi dan membersihkan segala sisa dan ratakan semula serta padatkan tanah untuk menerima longkang yang baru. Sisa bahan hendaklah dibawa keluar daripada premis ke lokasi yang telah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).	m	150		
2.2	Menyediakan laluan sementara yang merentasi longkang bagi melindungi longkang sedia ada daripada rosak dan menyediakan penghadang keselamatan di tepi cerun	Pukal			
2.3	Kerja-kerja mengisi rongga di bawah lapisan guniting dengan kaedah 'Polyurethane foam Injection' atau kaedah yang setara sehingga ruang rongga dipenuhi dan tertutup.	m ³	20		
2.4	Kerja pengorekan tanah di cerun secara bertangga (cascade) serta sump berkedalaman tidak melebihi 1200 mm dan membawa keluar sisa tanah tersebut termasuk batu gabion daripada premis. Tapak tanah perlu dipadatkan untuk menerima longkang yang baru.	m ³	20		
2.5	Kerja membersihkan permukaan cerun yang runtuh termasuk tanah di dalam longkang sedia ada dan meratakan permukaan cerun tersebut untuk menerima tambakan batu 6x9.	m ²	50		
Jumlah Kecil Harga Di Bawa Ke Sebelah....					

Tandatangan :

Nama :

Cop Kontraktor:

Tarikh :

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

SEBUTHARGA NO : PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/06/K02/2025

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI (Prov.)	KADAR (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
	<i>Jumlah Harga Dari Muka Surat Sebelah....</i>				
2.6	Kerja pembinaan longkang jenis U bersaiz 300mm x 300mm, longkang cascade bersaiz 600mm x 600mm, longkang cerun 900mm x 450mm dan sump bersaiz 1200mm x 1200mm menggunakan bahan-bahan berikut: a) konkrit alas Gred G15 tebal 50mm b) papan acuan (formwork) c) besi tetulang T12 d) Konkrit tuang Gred G25	m ² m ² kg m ³	100 50 1900 20		
2.7	Kerja tambakan batu 6x9 <i>stone pitching</i> tebal 300mm dengan susunan yang rapat dan rapi mengikut profil cerun dengan hamparan geotekstil di bawah dan diikat dengan mortar	m ²	50		
2.8	Kerja menebuk lapisan ' <i>guniting</i> ' dan memasang 50mm diameter paip uPVC sebagai lubang titisan (weephole) 305mm panjang termasuk geotekstil dan litupan batu dan pasir bersih sebagai penapis (filter) di hujung	no	20		
2.9	Kerja pemasangan susur tangan yang baru menggunakan besi tube jenis GI diameter 50mm termasuk batu tumit (asas) serta satu lapisan cat anti karat dan satu lapisan cat permukaan.	m ²	40		
3.0	KERJA-KERJA AKHIR				
3.1	Kerja-kerja membersihkan semua sisa bahan yang tidak dikehendaki di tapak bina sehingga memuaskan sebagaimana yang dikehendaki.	Pukal	-		
	JUMLAH SEBUTHARGA				

(RINGGIT MALAYSIA :)
.....)

.....
(Tandatangan Kontraktor)

Nama Penuh:
No. K/P :
Alamat :

.....
.....

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh:
No. K/P :
Alamat :

.....
.....

Nama Akaun :
No. Akaun :
Atas Sifat :

.....
Meteri atau Cop Kontraktor

POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
KM. 8 JALAN PAKA, 23000 DUNGUN
TERENGGANU.

BORANG SEBUT HARGA

Sebut Harga No. : **PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/05/K02/2025**

Ditutup pada : **28 April 2025 (Isnin)**

Jam : **12.00 tengahari**

Tarikh :

Pengarah,
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin,
Km. 8, Jalan Paka, 23000 Dungun.

Sebutharga Untuk :

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN
CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

Dibawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Pentender, Syarat-syarat Sebutharga, Spesifikasi dan Pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksana dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak;

Ringgit :
..... iaitu RM

Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang ditetapkan di bawah Fasa 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada haribulan **2025**

.....
(Tandatangan Kontraktor)

Nama Penuh :

No. K/P. :

Alamat :

Nama Bank :

No. Akaun :

Atas sifat :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :

No. K/P. :

Alamat :

.....
Meteri atau Cop Kontraktor

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/05/K02/2025



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



1.0 KELAS, KEPALA DAN SUB KEPALA MEMASUKI TAWARAN

1. Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan dalam Daerah Dungun dengan kelayakan seperti berikut :
 - Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) **Gred G1 beserta kod pengkhususan (B24)**
 - Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
 - Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
 - Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB)

2.0 KEDUDUKAN TAPAK KERJA

- 2.1 Tapak kerja ini adalah terletak di dalam bangunan PSMZA.
- 2.2 Penentuan kedudukan tapak sebenar boleh dibuat melalui lawatan bersama diantara Pegawai Penjaga Kerja dengan Kontraktor sebelum memulakan kerja.

3.0 TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK KE TAPAK KERJA

- 3.1 Kontraktor adalah dikehendaki menghadiri taklimat/lawatan tapak mengenai kerja-kerja yang ditawarkan, yang akan disampaikan oleh Jurutera Awam dari UPP PSMZA pada **20 April 2025 (Ahad) Jam 9.00 Pagi**.
- 3.2 Kontraktor adalah dinasihatkan melawat tapak bina untuk meneliti secara terperinci mengenai kerja-kerja dalam sebutharga ini. Segala perbelanjaan untuk lawatan tapak adalah di atas tanggungan kontraktor sendiri.
- 3.3 Kontraktor adalah dibenarkan membuat pertanyaan pada waktu-waktu pejabat sekiranya tidak memahami tata atur kerja dan pelan tawaran sebelum sebut harga ditutup.
- 3.4 Hanya Kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja akan dibenarkan untuk memasuki tawaran ini. Kontraktor yang berminat hendaklah berada di PSMZA pada tarikh dan masa yang dinyatakan.

BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU

TANDATANGAN DAN COP KONTRAKTOR SERTA TARIKH :

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/05/K02/2025

- 3.5 Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang boleh menghadiri lawatan tapak dan tidak boleh mewakili pegawai lain. Sila bawa bersama dokumen yang berkaitan.

4.0 SKOP / PENENTUAN KERJA

- 4.1 Sebut Harga Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembaikan Struktur Kawalan Hakisan Cerun Di Pusat Islam, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

**5.0 MENANGGUNG RUGI KERAJAAN MENGENAI
KECEDERAAN DIRI DAN KEROSAKAN KEPADA HARTA**

- 5.1 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab atas, dan hendaklah menanggung rugi Kerajaan terhadap, apa-apa jua kerosakan, perbelanjaan, liability, terhadap apa-apa jua kerosakan, perbelanjaan, liability, kerugian, tuntutan atau prosiding samada yang berbangkit di sisi 'common law' atau menurut status berkenaan dengan kecederaan diri atau kematian mana-mana orang yang berbangkit dari atau dalam masa atau disebabkan oleh pelaksanaan kerja ini.
- 5.2 Kontraktor hendaklah bertanggung atas, dan hendaklah menanggung rugi Kerajaan terhadap, apa-apa jua kerosakan, perbelanjaan liability, kerugian tuntutan atau prosiding disebabkan oleh apa-apa jua jenis bencana atau kerosakan kepada harta tanah atau harta diri (termasuklah kerja dan apa-apa harta Kerajaan yang lain) setakat mana bencana atau kerosakan itu berbangkit dari atau dalam masa atau disebabkan oleh pelaksanaan kerja, dan dengan syarat sentiasanya bahawa ia disebabkan oleh apa-apa kecuaiian, peninggalan, pecah kontrak atau kemungkinan oleh mana-mana orang kontraktor itu bertanggungjawab terhadapnya termasuk pengkhidmat atau ejen kontraktor atau oleh mana-mana subkontraktor, samada yang dinamakan atau selainnya, dan pengkhidmat atau ejennya.
- 5.3 Ganti rugi yang diberi oleh kontraktor di bawah subfasal (a) atau (b) syarat-syarat ini tidak boleh dikecewakan atau dikurangkan oleh sebab apa-apa kecuaiian atau peninggalan di pihak Kerajaan atau P.P atau wakil P.P yang gagal menyelia atau mengawal kerja kontraktor di tapakbina atau cara-cara mengerjakan atau kerja sementara, atau mengesan atau mengecah atau membaiki kerja yang cacat atau memastikan pelaksanaan yang wajar akan apa-apa obligasi lain di pihak kontraktor di bawah kontrak ini.

BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU

TANDATANGAN DAN COP KONTRAKTOR SERTA TARIKH :

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR KAWALAN HAKISAN CERUN DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/05/K02/2025

6.0 PENILAIAN KERJA

Penilaian kerja dan bayaran akan dibuat setelah kerja disiapkan dengan sempurna.

7.0 PENERIMAAN KERJA SIAP

Pegawai Penguasa berhak menolak hasil kerja atau mengurangkan nilai harga kerja ke atas kerja-kerja yang tidak disempurnakan dengan baik atau tidak mengikuti spesifikasi kerja.

8.0 MEMBERSIH KAWASAN TAPAK SELEPAS SIAP

Kontraktor dikehendaki membersihkan kawasan binaan dari segala lebihan bahan dan kotoran keluar dari tapak kerja ke suatu tempat pelupusan atau tempat yang sesuai dengan persetujuan Pegawai Penjaga Kerja.

BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU

TANDATANGAN DAN COP KONTRAKTOR SERTA TARIKH :